



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

---

**“298 INDIVIDU DI NEGERI MELAKA TERIMA LESEN MEMANDU MALAYSIA KELAS B2 (MOTOSIKAL)”**

**Melaka, 31 Oktober 2023** - Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia pada hari ini telah menyerahkan bantuan Lesen Memandu Malaysia Kelas B2 (Motosikal) kepada seramai **298 individu** menerusi **Program MyLesen B2 Peringkat JPJ Negeri Melaka**.

Program MyLesen merupakan komitmen dan usaha cakna Kerajaan untuk membantu golongan B40 mempertingkatkan taraf sosioekonomi dan pendapatan isi rumah melalui peluang pekerjaan dengan pemilikan Lesen Memandu Kelas B2 (Motosikal).

Para penerima bantuan Lesen Memandu Kelas B2 (Motosikal) JPJ Negeri Melaka merupakan individu daripada golongan B40 yang terdiri daripada penerima bantuan **Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), e-Kasih, Baitulmal dan Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM)**.

Secara keseluruhannya, Program MyLesen B2 memanfaatkan seramai **9,000** orang penerima daripada golongan B40 di seluruh negara dengan peruntukan sebanyak **RM2.7 juta** melalui **Belanjawan 2023**. Peruntukan tersebut merangkumi kos ujian dan latihan kepada calon dengan kadar **RM300 setiap calon** di bawah Program MyLesen B2.

Kerajaan berharap inisiatif ini dapat melahirkan pemandu kenderaan bermotor yang kompeten dan selamat serta meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap pematuhan peraturan-peraturan jalan raya dan juga pembudayaan keselamatan jalan raya.

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**  
**31 OKTOBER 2023**

**[TAMAT]**